

Pembinaan Negara Bangsa dan Kewarganegaraan Inklusif: Suatu Artikulasi Konseptual Kritis dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan

(Nation-Building and Inclusive Citizenship: A Critical Conceptual Analysis Within The National Education Philosophy)

Nurfarhana Che Awang^{1*}, Kartini Aboo Talib@Khalid²

¹AEGIS RESEARCH, Fairview Residence, Changkat Sungai Ara 3, 11900, Bayan Lepas, Penang, Malaysia.
Email: farhana@aegisresearch.net

²Institut Kajian Etnik (KITA), Level 4, Administration Building, Kolej Keris Mas, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: k_khalid@ukm.edu.my

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Nurfarhana Che Awang
(farhana@aegisresearch.net)

KATA KUNCI:

Perpaduan
Kesatuan
Pembinaan Negara Bangsa
Falsafah Pendidikan
Kebangsaan
Kewarganegaraan Inklusif

KEYWORDS:

Inclusive Citizenship
National Integration
Nation-Building
National Education Philosophy
Education Policy

CITATION:

Nurfarhana, C. A., & Kartini, A. T. (2026).
Pembinaan Negara Bangsa dan
Kewarganegaraan Inklusif: Suatu Artikulasi
Konseptual Kritis dalam Falsafah
Pendidikan Kebangsaan. *Malaysian Journal
of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*,
11(3), e003876.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v11i3.3876>

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan untuk menganalisis artikulasi istilah dan makna akan konsep Kewarganegaraan Inklusif yang terkandung secara normatif di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan, dalam menilai dan memupuk semangat pembinaan negara bangsa Malaysia yang menjadi aspirasi negara dalam menyatupadukan semua kaum melalui ruang pendidikan. Penerapan dan pemahaman terhadap terminologi ini secara mendalam penting dalam memberi hala tuju terhadap pembangunan dan pembentukan negara bangsa selari dengan aspirasi dan citra Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Justeru, objektif artikel ini adalah untuk menganalisis sejauh mana kefahaman aktor pendidik dan aktor pelaksana dasar terhadap artikulasi nilai, makna dan konsep kewarganegaraan inklusif yang wujud secara normatif dalam ruang Falsafah Pendidikan untuk diterjemahkan pada kurikulum dan ko-kurikulum pendidikan untuk melahirkan bangsa Malaysia. Metodologi pada kajian ini adalah bersifat kualitatif dan temu bual secara mendalam (in-depth interview) telah dilaksanakan dengan melibatkan 33 orang responden yang terdiri daripada aktor pendidik dari 17 buah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMK) di Kelantan dan Pulau Pinang serta turut melibatkan aktor penggubal dasar di Wilayah Persekutuan Putrajaya, Kuala Lumpur. Berdasarkan dapatan kajian, data menunjukkan bahawa terdapat perbezaan kefahaman dan makna yang luas akan istilah yang memberi kesan kepada aspirasi dasar dan Falsafah Pendidikan.

ABSTRACT

This article examines the articulation of the concept and

meaning of inclusive citizenship as normatively embedded in the National Education Philosophy and its role in advancing Malaysia's nation-building agenda and national integration through the education system. A nuanced understanding of this concept is essential in guiding policy direction and educational practice in shaping a cohesive and inclusive Malaysian society, consistent with the aspirations of the National Education Philosophy. The study specifically analyses the extent to which educational practitioners and policy implementation actors understand and interpret the values, meanings, and normative dimensions of inclusive citizenship, and how these interpretations are translated into curricular and co-curricular practices. Adopting a qualitative research design, in-depth interviews were conducted with 33 respondents, comprising educators from 17 Chinese National-Type Secondary Schools (SMJKC) and National Secondary Schools (SMK) in Kelantan and Penang, as well as policy actors based in the Federal Territory of Putrajaya and Kuala Lumpur. The findings reveal significant variations in interpretations and conceptual understandings of inclusive citizenship among key actors. These divergent interpretations have implications for policy coherence, policy implementation, and the effectiveness of the National Education Philosophy in fostering national unity and nation-building outcomes.

Sumbangan/Keaslian: Data literatur baharu terhadap disiplin ilmu dalam konsep kewarganegaraan inklusif. Novelti pada makna dan definisi konsep kewarganegaraan inklusif dari latar masyarakat Malaysia. Pewujudan integrasi konsep baharu dan lama terhadap pembinaan negara bangsa. Maklumat baharu tentang kepentingan nilai kewarganegaraan inklusif dalam pendidikan di Malaysia dari aspek penggubalan dan pelaksanaan dasar pendidikan.

1. Pengenalan

Falsafah Pendidikan Negara (FPN) merupakan suatu falsafah yang berusaha untuk mencari kebenaran melalui pemerhatian, tinjauan daripada segala pengalaman dan fenomena kehidupan (Sufean Hussin, 2004, pp.146-147). Konsep falsafah ini turut menjadi keperluan kepada pelbagai sudut individu, sosial, ekonomi, agama, estestika, dan vokasional (Sufean Hussin, 2004, p.127). Namun begitu, nilai-nilai yang terkandung di dalam Falsafah Pendidikan Malaysia merupakan suatu nilai yang tidak pernah dinyatakan secara jelas atau eksplisit dan formal dalam mana-mana hal. Bahkan, ia tersirat dan wujud di dalam sistem pendidikan negara yang disintesiskan melalui kesemua pengalaman manusia (*empiricism and naturalism*) (Nurfarhana Che Awang, 2023).

Oleh itu, boleh diperkatakan bahawa dasar pendidikan negara merupakan sebuah mekanisma yang memberi maklum balas kepada kesemua pengalaman manusia (sejarah Malaysia) yang berusaha merealisasikan matlamat tersirat yang terdapat pada Falsafah Pendidikan Negara. Hasil sintesis falsafah (pengalaman sejarah) yang melanda negara melalui peristiwa 13 Mei 1969 telah membentuk satu ideologi dan Pancasila

Kewarganegaraan, bagi keperluan norma kehidupan masyarakat dan bangsa Malaysia yang telah dizahirkan melalui pembentukan Rukun Negara. Rukun Negara juga merupakan suatu penggarisan tentang norma dan etika budaya kehidupan, daya usaha dan pemikiran yang harus diterapkan ke dalam setiap warganegara yang mengaku cintakan Malaysia seperti yang terkandung di dalam Lima Prinsip Rukun Negara (Sufean Hussin, 2004, p.147). Seajar dengan nilai-nilai yang terkandung di dalam Rukun Negara ini telah menggalurkan pelbagai cara kehidupan masyarakat dari pelbagai aspek kehidupan seperti politik, sosial, ekonomi; pembangunan sains dan teknologi. Malahan, kepastian kepada mendukung dan mencapai Falsafah Pendidikan Negara bukan sekadar harus ditunjangi dan dihayati dengan penghayatan rohaniah yang tinggi dari sudut kurikulum pendidikan semata-mata. Sebaliknya, dalam mencapai nilai-nilai ini harus disalurkan kepada peranan pelbagai pihak di peringkat pelaksanaan dasar melalui kefahaman dan artikulasi mendalam akan makna dan nilai konsep. Ini kerana, penggubalan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) adalah hasil daripada citra dan cita-cita Rukun Negara yang menekankan keinginan perpaduan yang lebih erat dalam masyarakat (Nurfarhana Che Awang, 2023).

Elemen asas yang membawa kepada penggubalan Falsafah Pendidikan Negara dan pembentukan Falsafah Pendidikan Kebangsaan adalah Rukun Negara, bermatlamat untuk menekankan pendidikan ke arah mewujudkan perpaduan kaum. Malahan, sejarah turut mencatatkan bahawa matlamat penggubalan Rukun Negara yang pertama untuk mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakat. Kedua, memelihara satu cara hidup demokratik. Ketiga, mencipta satu masyarakat yang adil. Keempat, kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama-sama secara adil dan saksama. Kelima, menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi kebudayaan yang kaya dengan berbagai-bagai corak dan membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992).

Oleh itu, dalam meneliti nilai-nilai dari konteks matlamat Falsafah Pendidikan Negara dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Jelas menunjukkan bahawa wujud nilai-nilai kewarganegaraan inklusif terangkum di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan kefahaman serta artikulasi makna dan terminologi kewarganegaraan inklusif penting dalam mengaspirasikan makna dan kehendak sebenar Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam membina negara bangsa Malaysia.

Kolerasi di antara matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dengan konsep kewarganegaraan inklusif dapat dilihat dari empat nilai konsep kewarganegaraan inklusif yang telah diperkenalkan oleh Naila Kabeer (2004). Pertama, keadilan (*justice*) diartikulasikan adil bila ia sepatutnya melayani seseorang sebagaimana saksama dan juga adil bila seseorang harus dilayani berbeza. Kedua, pengiktirafan (*recognitions*) yang melibatkan nilai intrinsik atau nilai kepuasan dalaman seseorang manusia dan juga penghormatan terhadap perbezaan mereka. Ketiga, penentuan nasib diri sendiri (*self-determination*) yang merujuk kepada kebolehan seseorang untuk mengatur dan menguruskan kehidupan mereka sendiri. Tetapi, konteks ini lebih merujuk kepada orang kurang upaya (Morris, 2005, pp.20-23). Keempat, nilai solidariti (*solidarity*) iaitu kebolehan untuk mengenalpasti dan bagaimana untuk hidup dalam keadaan bersatu padu dengan mereka yang menuntut hak dan keadilan. Keempat-empat nilai kewarganegaraan inklusif ini akan dijelaskan secara terperinci pada ruangan definisi istilah kewarganegaraan inklusif di bawah.

Oleh itu, keempat-empat nilai kewarganegaraan inklusif ini terangkum secara normatif di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu dari konteks matlamat pendidikan kewarganegaraan yang boleh dilihat dalam pelbagai subjek pendidikan. Misalnya, mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan (PSK), Pendidikan Moral, Ekonomi dan Sejarah. Selain daripada itu, nilai-nilai kewarganegaraan inklusif juga turut terangkum di dalam rangka Kurikulum Sepadu Sekolah Menengah (KSSM). Berdasarkan kepada enam tonggak utama dan satu asas kemanusiaan, bermatlamatkan untuk melahirkan warganegara di abad ke-21 yang memiliki kompetensi ilmu dan kemahiran, membangunkan kemahiran intelektual, menghargai nilai-nilai demokrasi dan membina kemahiran penyelesaian masalah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Malahan, Falsafah Pendidikan Negara dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan juga menerajui aliran progresivisme yang merujuk kepada kurikulum pendidikan yang berorientasikan ke arah memenuhi kebudayaan dan sosiologika (Sufean Husin, 2004).

Meneliti kepada matlamat utama Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menjadi nadi kepada penggubalan dasar pendidikan menunjukkan bahawa konsep kewarganegaraan inklusif terangkum secara ekplisit dan normatif di dalam dasar pendidikan Malaysia seperti yang dibincangkan. Namun demikian, persoalannya sejauhmanakah kefahaman akan nilai-nilai kewarganegaraan inklusif ini diterap dan diterjemahkan di dalam kurikulum (sukatan pelajaran, pedagogi) di persekolahan serta pada dunia realiti pelaksanaan dasar? Hal ini kerana, tidak ramai guru-guru yang memahami tentang konsep kewarganegaraan. Malahan, kefahaman terdapat definisi kewarganegaraan dalam kalangan guru-guru juga berada pada tahap yang minimal (Mohd Mahzan Awang et al., 2015). Apatah lagi dengan kefahaman dan pemahaman terhadap definisi dan makna akan konsep kewarganegaraan inklusif. Lebih-lebih lagi, Malaysia sebagai sebuah negara yang pluralistik. Seharusnya, pemahaman terhadap konsep kewarganegaraan inklusif perlu jelas dalam mengekalkan keharmonian dan pembentukan bangsa Malaysia yang baharu.

Justeru, perbincangan terhadap kefahaman istilah makna dan terminalogi serta nilai kewarganegaraan inklusif dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan harus dilihat dengan lebih terperinci dalam pendidikan di Malaysia dari sudut pandang aktor pendidikan, supaya kurikulum dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan bergerak seiring dan melambangkan kepada sebuah demografi masyarakat yang majmuk. Maka, apakah pemahaman dan artikulasi sebenar seperti yang telah dinyatakan di atas wujud secara realitinya dalam dunia pendidikan di Malaysia? Hal demikian, kerana secara ideal atau normatifnya. Falsafah Pendidikan Kebangsaan telah inklusif dari konteks nilai dan matlamatnya. Tetapi persoalan apakah ia juga turut inklusif dalam realiti pemahaman dan artikulasi aktor pendidik dan pelaksanaan pendidikan di Malaysia? Objektif artikel ini adalah untuk menganalisis sejauh mana kefahaman aktor pendidik dan aktor pelaksana dasar terhadap artikulasi nilai, makna dan konsep kewarganegaraan inklusif yang wujud dalam Falsafah Pendidikan untuk membentuk bangsa Malaysia. Metodologi kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif dengan melaksanakan temubual secara bersemuka (*in-depth interview*) bersama 33 orang responden di 17 buah sekolah (SMK dan SMJK) di Kelantan dan Pulau Pinang serta Putrajaya (aktor penggubal dasar). Hasil kajian telah membentangkan perbezaan yang besar seperti perbincangan di bawah.

Artikel ini dimulakan dengan membicarakan terminologi kewarganegaraan inklusif. Perbincangan akan memberi ruang pandang kefahaman sebenar responden terhadap konsep kewarganegaraan inklusif yang turut mendasari kepentingan utama artikel ini

secara langsung. Seterusnya, perbincangan akan memetakan kefahaman terhadap definisi dan makna konsep kewarganegaraan inklusif daripada kaca mata aktor penggubal dan pelaksana dasar, pemahaman dan kegagalan memahami makna sebenar konsep ini akan turut memberi kesan kepada pencapaian matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Hal demikian, kerana di dalamnya terangkumnya nilai-nilai konsep kewarganegaraan inklusif yang mana nilai-nilai tersebut diterjemahkan melalui kurikulum pendidikan mata pelajaran Pendidikan Sejarah dan Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan (PSK). Refleksi aktor pendidikan terhadap mata pelajaran ini dapat membantu memberi kesedaran kepada murid tentang peranan, hak dan tanggungjawab mereka dalam masyarakat dan negara. Bahkan, turut mampu melahirkan anggota masyarakat dan warganegara yang bersatu padu, patriotik dan menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat; negara dan dunia seperti yang dimahukan oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019).

Ini kerana proses pembinaan negara bangsa adalah merupakan satu usaha yang lahir daripada citra dan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk menyemai rasa kekitaan dan patriotisma serta solidariti dalam membentuk dan membina negara bangsa yang memiliki identiti bersama. Matlamat utama pendidikan adalah untuk mewujudkan perpaduan dengan membentuk bangsa Malaysia yang baharu yang bercitrakan kepada integrasi tiga bangsa utama di Malaysia (Hippler, 2002, pp.1-3). Pengidaman idea terhadap penciptaan bangsa ini telah sekian lama wujud sejak penjajahan Kolonial British yang salah satunya dapat dilihat dengan kewujudan pengisloganan 'Negara-Citra Melayu' 'Melayu-Raya' hasil kerjasama Malaya dan Indonesia. Namun demikian, penciptaan bangsa Malaysia ini bukanlah suatu proses yang mudah malahan ia sering kali menjadi suatu polemik dan retorik politik dalam mengaspirasikan hasil daripada kepelbagaian latar belakang sosial dan ideologi (Abdul Rahman, 2000, pp.44-45). Malahan perpaduan dalam kepelbagaian turut dilihat rapuh dengan pelbagai pertikaian isu yang wujud. Antaranya, pertikaian Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, pendidikan vernakular, Bumiputera, Bukan Bumiputera dan hak kesitimewaan orang Melayu (Wan Hasniah Wan Husin, 2011).

Oleh itu, dalam memartabatkan matlamat dan agenda negara dalam melahirkan bangsa Malaysia yang bersatu padu, maka pemahaman akan matlamat harus dipupuk dan disemai pada generasi baharu melalui pengartikulasian makna yang mendalam akan pembinaan negara bangsa Malaysia melalui ruang atau mekanisma pendidikan.

2. Terminologi Konsep Kewarganegaraan Dan Kewarganegaraan Inklusif (*Inclusive Citizenship*)

Definisi kewarganegaraan inklusif secara umumnya boleh diperkatakan sebagai sesebuah dasar kerajaan yang memberi akses atau capaian yang saksama kepada semua rakyat tanpa mengira kaum, agama, bangsa, etnik dan sebagainya. Misalnya, akses penyediaan perkhidmatan awam seperti dana, hak demokratik dan hak perwakilan dalam kerajaan. Terminologi ini berakar umbi daripada perkataan 'kewarganegaraan' yang membawa maksud, keanggotaan secara aktif atau pasif seseorang individu dalam sesebuah negara bangsa. Keanggotaan individu ini dilandaskan dengan memiliki hak-hak sejagat (*universal*) yang tertentu. Misalnya, kewajiban pada suatu tahap yang spesifik dan kesetaraan (Thomas Janoski, 1988).

Oleh itu, konsep kewarganegaraan juga boleh diungkap secara ringkasnya sebagai sebuah konsep yang dapat mengukur 'hak dan kewajiban'. Konsep ini memperlihatkan

posisi warganegara dan negara memiliki hubungan timbal balik di antara dua subjek iaitu rakyat dan negara. Hal ini dapat dilihat pada kenyataan seperti di bawah:

"...Citizenship is passive and active membership of individuals in a nation-state with certain universalistic rights and obligations at a specified level of equality..." (Thomas Janoski, 1998, p.9)

Selain itu, definisi kewarganegaraan inklusif turut lahir daripada empat konsep kewarganegaraan yang mana keempat-empat konsep ini telah membentuk konsep kewarganegaraan inklusif yang wujud pada hari ini. Pensejarahan terhadap kemunculan konsep kewarganegaraan. Pertama sekali dapat dilihat apabila ia dimulakan dengan menentukan 'keanggotaan' dalam sesebuah negara bangsa. Keanggotaan bermaksud penciptaan terhadap '*personhood*' atau penciptaan terhadap sesiapa sahaja yang berada di luar daripada wilayah atau daerah. Individu-individu ini akan diakui sebagai warganegara dengan pemberian hak-hak tertentu (Thomas Janoski 1998, pp. 5-7). Perciptaan '*personhood*' dimulakan dengan kelompok teratas dan kemudian dikembangkan kepada pelbagai pihak, termasuk juga mereka yang bukan warganegara dalam sesebuah negara. Bahkan, penciptaan '*personhood*' ini turut merangkumi pelbagai etnik, ras, gender, kelas dan kelompok terpinggir (*marginal*) yang hampir tidak mendapatkan hak mereka sebagai warganegara.

Kedua, kewarganegaraan juga merujuk kepada mereka yang memiliki kapasiti untuk mempengaruhi politik di dalam sistem perundangan atau mereka yang aktif dan berkemampuan membawa warga ke dalam demokrasi. Oleh itu, kewarganegaraan yang pasif memberi peluang kepada diktator memimpin dengan hak legal dan hak sosial yang lebih tinggi. Ketiga, hak-hak warganegara adalah hak-hak yang bersifat sejagat (*universal*). Hak yang diperundangan dan dilaksanakan pada seluruh warganegara. Justeru, organisasi atau kelompok masyarakat boleh mengajukan tuntutan terhadap hak-hak kewarganegaraan (wujud pertembungan norma dengan tuntutan hak-hak tertentu). Ini kerana, proses perundangan hak kewarganegaraan merupakan usaha untuk mendapatkan hak seboleh mungkin atau sekurang-sekurangnya saling melengkapi antara satu sama lain (Engin et al., 2008, pp. 5-7).

Keempat, kewarganegaraan merupakan pernyataan kesetaraan hak dan obligasi seimbang dalam sesuatu halangan tertentu, kesetaraan ini seringkali membawa peningkatan dalam hak-hak masyarakat bawahan (*subordinat*) *vis a vis* elit dan kesetaraan ini sebahagian besar wujud dalam hal-hal undang-undang, perundangan dan birokrasi. Bahkan, mencakupi hal-hal yang membawa kesan langsung kepada kesetaraan substantif, kelas dan status kekuasaan kelompok yang berkaitan (Engin et al., 2008, pp. 5-7).

Keempat-empat konsep di atas dapat disimpulkan bahawa elemen kewarganegaraan adalah bersifat 'inklusif'. Maka, ciri-ciri kewarganegaraan di atas sekaligus telah mengakui akan hak-hak warganegara adalah sejagat dan ia merujuk kepada pernyataan kesetaraan (Nilam Hamiddani Syaiful, 2013, pp. 5-7). Konsep-konsep ini telah diterjemahkan selari dengan definisi umum kewarganegaraan inklusif seperti yang telah dinyatakan di atas. Hatta, inklusiviti (*inclusiveness*) juga dapat dilihat berdasarkan kepada prinsip dan keadilan sosial untuk keseluruhan anggota masyarakat tanpa mengira sebarang apa sahaja kelas dan identiti. Hal ini kerana, kewarganegaraan ditentukan berdasarkan kepada hak kependudukan dan bukannya daripada kelahiran mahupun naturalisasi (Theophilis, 2006, p.1).

Walau bagaimanapun, perdebatan terhadap makna dan definisi kewarganegaraan sentiasa menjadi suatu yang dinamik dalam wacana perdebatan ilmu. Hal ini kerana, kewarganegaraan merupakan suatu konsep yang sering sahaja berubah-ubah mengikut arus masa dan perkembangan zaman. Lebih-lebih lagi, dalam perbincangan wacana liberal yang telah memperlihatkan penggunaan konsep kewarganegaraan oleh golongan feminis, multi-kulturalis, dan gerakan kiri radikal pada tahun 1960-an dan 1970-an. Golongan-golongan ini melihat konsep kewarganegaraan ini bersifat 'borjuis' atau lebih mementingkan kelompok sosial atasan dan merendahkan kelompok rentan kelas bawahan.

Malahan, makna akan definisi kewarganegaraan itu sendiri seringkali difahami secara tidak sempurna oleh pelbagai pihak dalam lapisan pelbagai masyarakat. Kebiasaan konsep atau definisi kewarganegaraan sentiasa bersandar pada nilai 'status' atau dalam 'kaedah penentuan siapa yang harus menjadi warganegara'. Hal-hal seperti ini telah lama diperdebatkan sejak zaman klasik terdahulu lagi sehingga ke hari ini (Theophilis, 2006, p.1). Maka, apatah lagi dalam mempersoalkan akan pendefinisian dan pengartikulasian makna kewarganegaraan inklusif secara tepat. Sedangkan ia merupakan sebuah konsep yang muncul terkemudian daripada konsep kewarganegaraan.

3. Artikulasi Makna Dan Kefahaman Terminologi Pada Konsep Kewarganegaraan Inklusif Dalam Pembinaan Negara Bangsa Malaysia.

Kewarganegaraan moden dibina berasaskan pensejarahan hasil penyumbangan hak dan tanggungjawab, hal ini diperkaitkan dengan pekerjaan, perkhidmatan awam, keibubapaan dan pembentukan kekeluargaan. Kewarganegaraan moden ini dapat dilihat wujud di dalam susur galur asal Institusi Kewarganegaraan Barat, terutamanya dalam kebudayaan politik masyarakat Greek Kuno dan juga Rom. Aspek hak kewarganegaraan ini menjadi lebih penting, apabila ia wujud dalam aspek politik moden yang banyak dilihat di dalam beberapa siri revolusi seperti Revolusi Perancis dan Perang Saudara (*English Civil War*). Revolusi-revolusi ini memiliki persamaan idea perjuangan dengan revolusi kewarganegaraan. Khususnya, dalam hal yang melibatkan set-set pengecualian (*exclusionary*) hak.

Oleh itu, hasil perjuangan revolusi-revolusi terhadap penuntutan hak dan penuntutan sumber-sumber telah membentuk negara dan bangsa di Barat (Engin et al., 2008, pp.5-6). Walau bagaimanapun, perjuangan dan kesedaran terhadap penuntutan hak kewarganegaraan dilihat masih terlalu baru terutama di negara-negara Asia seperti Malaysia. Hal ini kerana, perdebatan terhadap kewarganegaraan inklusif mula muncul di Amerika Syarikat dengan memperjuangkan isu-isu perhambaan, bangsa, imigrasi dan sebagainya (Engin et al., 2008, pp.6-7).

Justeru, tidak hairan jika analisis kajian menunjukkan bahawa konsep kewarganegaraan inklusif tidak begitu popular dalam kalangan masyarakat di Malaysia terutama dalam kalangan aktor penggubal dan aktor pelaksana dasar. Kefahaman terhadap definisi kewarganegaraan dapat dipecahkan kepada dua perkara iaitu 'tidak berpengetahuan' (*agnouia*)¹ dan 'penyimpangan makna'. Analisis kajian memaparkan bahawa keseluruhan aktor penggubal dan aktor pelaksanaan dasar di kedua-dua jenis sekolah di Kelantan

¹ "*agnouia*" diambil daripada perkataan Greek yang bermaksud kejahilan, tidak berpengetahuan (*lack of knowledge or ignorance*), tiada kesedaran, tidak tahu (*unawareness* atau *nescience*).

dan Pulau Pinang tidak mengetahui makna tentang konsep kewarganegaraan inklusif. Bahkan, pendefinisian konsep ini ditakrifkan salah dari makna yang sebenar.²

Oleh yang demikian, isu ketidakfahaman dan kesamaran terhadap definisi sebenar konsep kewarganegaraan inklusif dalam kalangan aktor-aktor pendidikan memberi kesan kepada keberhasilan dan ketercapaian matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Hal ini kerana, nilai kewarganegaraan inklusif terkandung secara normatif di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan nilai-nilai kewarganegaraan inklusif diterjemahkan kepada komponen kurikulum pendidikan terutamanya di dalam subjek Pendidikan Sejarah dan Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan yang bertujuan untuk mencapai perpaduan yang erat dalam masyarakat melalui pemeliharaan cara kehidupan yang demokratif, progresif, liberal tradisi, adil dan saksama.

Justeru, kefahaman terhadap konsep kewarganegaraan inklusif penyumbang besar kepada sudut aliran pelaksanaan dasar, pengajaran dan penghayatan guru itu sendiri apabila berlaku proses penghantaran pengajaran dan pembelajaran. Tambahan pula, keberjayaan dalam mencapai objektif dan matlamat dasar pendidikan boleh dikaitkan dengan kompetensi dan kefahaman guru yang mendalam ketika menyampaikan ilmu kepada para pelajar. Hal ini dapat dilihat di dalam isu ketidaksediaan guru dalam aspek membuat kronologi, kemahiran meneroka bukti dan interpretasi antara penyumbang kepada ketidakberkesanan pembelajaran (Zahara Aziz & Nik Azleena, 2007, pp.119-137). Oleh itu, guru memainkan peranan penting penyumbang kepada penerapan nilai kewarganegaraan dan tahap kompetensi dalam kalangan pelajar (Sitti Hasnah Bandu et al., 2016).

Hatta, golongan pendidik juga merupakan individu yang berperanan menghasilkan pelajar yang cemerlang dan berkualiti tinggi. Malahan, ruang pembelajaran yang berkesan akan berlaku apabila yang diajar itu memberi makna kepada pelajar (Caine & Caine, 1994, pp.1-2). Bahkan, penghasilan pelajar yang berkualiti adalah melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan (Dipetik di dalam Anuar Ahmad dan Nelson Jingga (2015); Booth (1993); Goodwin dan Steven (1993, pp.1-2). Oleh itu, guru seharusnya memiliki elemen kompetensi yang tinggi dalam menjadi guru yang baik. Misalnya, dapat menguasai mata pelajaran yang diajar dengan lebih berpengetahuan dalam pedagogi dan ini akan memberi impak yang lebih baik kepada keberkesanan dalam mencapai matlamat pendidikan itu sendiri (Anuar Ahmad & Nelson Jingga, 2015, pp.1-2).

Sehubungan itu, konsep kewarganegaraan inklusif asasnya merupakan sebuah konsep yang merujuk kepada segala dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan. Dasar ini dapat dinikmati oleh keseluruhan warganegara sesebuah negara tanpa mengira latar belakang etnik, bangsa, kelas sosial dan sebagainya. Namun demikian, dapatan kajian memperlihatkan bahawa definisi konsep kewarganegaraan inklusif tidak didefinisikan secara tepat oleh aktor-aktor penggubal dan pelaksana dasar. Orientasi kefahaman kewarganegaraan inklusif banyak terarah kepada 'kewarganegaraan', 'kesaksamaan', 'Perlembagaan' dan 'pembinaan negara bangsa'. Misalnya, Pegawai Pendidikan di

² Temu bual responden dengan dua orang guru Pendidikan Sejarah di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan, 8/7/2020, Pulau Pinang; Temu bual dengan Penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan Dasar Kementerian Pendidikan Malaysia, 15/11/2020, Putrajaya & Temu bual responden dengan dua orang guru Pendidikan Sejarah di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan, 8/7/2020, Pulau Pinang.

Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) mentakrif kewarganegaraan inklusif sebagai satu bangsa (Pegawai PPD, temu bual, 3 Ogos 2020, Kelantan).

Manakala, wujud juga definisi yang menyifatkan konsep kewarganegaraan inklusif sebagai suatu proses membina negara bangsa dari konteks Malaysia, konsep negara bangsa harus didefinisikan secara berhati-hati agar tidak menjejaskan tentang konsep ketuanan Melayu dan kontrak sosial negara (Guru Sejarah, SBP, temu bual, 2 Julai 2020, Pulau Pinang). Biarpun konsep ini merupakan konsep kesamarataan dan menjadi hak kepada warganegara (Ibid). Tetapi, konsep ini harus ditafsir berlandaskan kepada Prinsip Rukun Negara terutamanya dalam pemberian hak pemutlakan warganegara kepada kaum bukan pribumi supaya hak-hak yang ada pada warganegara tidak mengesampingkan hak keistimewaan orang Melayu dan hak-hak orang bukan Melayu yang harus dipelihara seperti mana yang terkandung di dalam Perlembagaan negara (Guru Panitia PSK, SMK, temu bual, 3 Ogos 2020, Kelantan).

Dalam pada itu, hasil analisis kajian memperlihatkan rata-rata responden mentafsir definisi kewarganegaraan inklusif secara sempit seolah-olah konsep inklusif itu lebih kepada bersifat *inclusive-exclusive* di antara dua kaum. Ini kerana, idea konsep inklusif masih dilandaskan kepada nilai ketuanan Melayu seperti yang telah dimaktubkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Ini menunjukkan bahawa konsep ini agak kurang disenangi oleh kedua-dua pihak majoriti-minoriti di Malaysia dalam menuju ke arah inklusiviti. Tambahan pula, konsep ini turut melibatkan soal ketersediaan antara pelbagai pihak yang harus bertolak ansur antara satu sama lain dan kerelaan untuk melepaskan hak-hak tertentu demi mewujudkan sebuah masyarakat yang inklusif. Konsep ini seolah melahirkan pertembungan antara kaum dan turut dilihat sebagai suatu bentuk ancaman kepada kaum majoriti dan perlepasan hak kebudayaan oleh kaum minoriti. Pada masa yang sama, kefahaman terhadap konsep kewarganegaraan inklusif bahawa semua warganegara harus menerima hak yang sama rata dan keterbukaan kepada ruang inklusiviti ini tidak sepenuhnya dapat diterima oleh pelbagai kaum di Malaysia. Khususnya, dalam konteks hubungan kaum Cina-Melayu dalam soal pendidikan dan kebudayaan kerana tidak semua kaum mengamalkan konsep inklusif dalam hubungan antara kaum.

Hal ini kerana, Malaysia memiliki konflik etnik yang berlaku iaitu di antara etnik Melayu dan etnik Cina yang paling sukar untuk diuruskan iaitu melibatkan soal pengurusan hal yang berkaitan nilai induk dan rukun teras yang berbeza di antara kedua-dua etnik utama ini (Wan Norhasniah Wan Husin, 2015, p.287). Pertembungan ini wujud disebabkan oleh faktor dalaman dan luaran. Misalnya, soal campur tangan kuasa luar dan juga melibatkan usaha kerajaan untuk membentuk negara baru serta pada masa yang sama terpaksa berhadapan dengan konflik kemajmukan etnik (Wan Norhasniah Wan Husin, 2015). Situasi pertembungan nilai induk dan rukun teras hasil daripada campur tangan kuasa luar, membentuk dan mengubah struktur negara Malaysia yang bersifat sebangsa kepada majmuk dan keadaan ini turut sama berlaku di India dan Nigeria. Konflik ini terjadi lahir daripada pertembungan yang ketara di antara komuniti etnik yang melibatkan rukun teras. Umpamanya, perbezaan agama, adab resam, tindakan dan nilai warisan (Hippler & Little, 1952, p.21; Khubchandrani, 1996, p.9; Dilli Dal, 1996, p.1).

Maka, tidak hairan pertembungan dua idea tentang konsep kewarganegaraan inklusif terhadap makna negara bangsa Malaysia di atas wujud dalam kalangan antara kaum telah melahirkan 'polemik bangsa Malaysia'. Analisis kajian, memperlihatkan wujud dua

kedudukan tentang idea (*notion*) bangsa Malaysia saling bertentangan dan mewujudkan makna baru terhadap kewarganegaraan inklusif dari konteks ruang pandang Malaysia. Umpamanya, masyarakat majoriti menginginkan bangsa, sementara masyarakat minoriti menginginkan pengekalanan *status-quo* seperti sedia ada. Bahkan, dalam kalangan masyarakat majoriti sendiri memiliki pelbagai idea (*notion*) tentang gambaran bangsa Malaysia. Polemik ini dapat dilihat berdasarkan analisis definisi dan kefahaman masyarakat majoriti-minoriti terhadap konsep kewarganegaraan inklusif. Rata-rata memperlihatkan pertembungan *notion* tentang konsep bangsa yang diimpikan oleh kedua-dua kaum utama ini, bagi masyarakat majoriti, konsep negara bangsa harus berasaskan tentang bumiputera dan identiti penentuan bangsa haruslah berasaskan nilai-nilai ketuanan Melayu seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan. Misalnya, bahasa rasmi dan bahasa pertuturan harian haruslah bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai bahasa kemajuan (Guru Sejarah, SBP, temu bual, 2 Julai 2020, Pulau Pinang). Sebaliknya, kajian memperlihatkan masyarakat minoriti menginginkan konsep bangsa yang berasaskan keadilan dan persamaan hak dalam kalangan pelbagai kaum. Misalnya, dalam hal-hal pendidikan seperti dana dan kuota kemasukan ke peringkat pengajian tinggi (Pengetua, SMK, temu bual, 8 Julai 2020, Pulau Pinang).

Posisi ini bertepatan dengan apa yang diperkatakan oleh Abdul Rahman Embong, (2004). Bahawa ada lima jenis idea tentang wawasan bangsa Malaysia dalam masyarakat majoriti. Pertama, kelompok masyarakat yang menginginkan bangsa yang berasaskan bumiputera, iaitu bahasa Inggeris sebagai bahasa keunggulan dan kebanggaan kehidupan. Kedua, bangsa Malaysia yang berasaskan bumiputera dan identiti penentunya adalah bahasa Melayu. Ketiga, bangsa yang berasaskan rakyat yang mengakui bahasa Melayu sebagai bahasa Malaysia dan juga sebagai bahasa wilayah Nusantara. Maka, dianjurkan kecekapan berbahasa Melayu dan bahasa-bahasa lain seperti Mandarin sebagai pelengkap bahasa. Keempat, bangsa yang berwawasan *civic* dengan memperjuangkan kebebasan dan hak persamaan dalam kalangan suku bangsa di Malaysia atas nama prinsip demokrasi dan hak asasi. Kelima, bangsa Islamik yang menolak etnisiti dan memperjuangkan inter-nationalisme dari perspektif Islam (Abdul Rahman Embong, 2004, pp.15-26).

Maka, untuk lebih jelas lagi dalam memahami pertembungan dan ketidakintegrasian terhadap konsep kewarganegaraan inklusif, ia dapat turut dilihat pada konteks kupasan yang bawa oleh Shamsul Amri berkaitan dengan '*nation-of-intent*' atau 'bangsa idaman' dari konteks perbincangan dan amalan *nations-of-intent* di Malaysia. Dalam hal ini dapat dilihat, bahawa berdasarkan analisis dapatan kajian menunjukkan bahawa konsep kewarganegaraan inklusif tersimpang dari definisi asal dan berbeza aspirasinya serta permahamannya oleh masyarakat Malaysia (Kelantan dan Pulau Pinang). Ini kerana wujud pertembungan dalam membina bangsa dan idea *nations-of-intent* (bangsa idaman) mereka sendiri di Malaysia, serta asasnya Malaysia adalah merupakan sebuah negara yang terbina dalam konteks *state-nation* (negara bangsa) iaitu sebuah negara tanpa bangsa hasil daripada penjajahan yang berlaku.

Maka, dalam mengupas soal *nations-of-intent*, perbincangan harus dikupas dari ruang '*nation-state*' yang membahaskan soal wilayah, populasi, bahasa, kebudayaan, simbol, dan institusi yang dikongsi bersama dalam masyarakat (Shamsul, 2013). Kesemua elemen ini adalah merupakan elemen yang dikongsi bersama dalam masyarakat yang menganggap mereka sebahagian daripada bangsa (bangsa Malaysia). Idea terhadap *nations-of-intent* dan juga konsep kewarganegaraan inklusif mungkin dilihat sebagai

satu idea atau dilihat sebagai transformasi radikal terhadap mereka yang melihat dan berpegang teguh kepada nilai ketuanan Melayu. Ini kerana dalam mengangkat dan mengakui akan keterangkuman (*inclusiveness*) akan membawa mereka kepada soal yang melibatkan hak dan pengecualian pada sesetengah kumpulan masyarakat (Bumiputera dan bukan Bumiputera).

Justeru, soal penerimaan terhadap idea bangsa idaman dan konsep kewarganegaraan inklusif ini bermakna kumpulan masyarakat harus bersedia untuk melepaskan atau berkorban nilai-nilai prinsip dan dipegang serta diamalkan dalam mezhahirkan dan membina aspirasi bangsa idaman Malaysia seperti yang dimahukan oleh para pemerintah. Pertembungan nilai dan prinsip yang didukung dalam masyarakat yang pelbagai ini, telah mewujudkan pertembungan dalam mendefinisikan negara bangsa pada majoriti-minoriti dalam mewujudkan negara bangsa idaman. Ini kerana ia akan mewujudkan pembinaan keterangkuman (*inclusive-construct*) yang mana sesetengah kumpulan bangsa dalam negara harus melepaskan memberikan hak-hak keistimewaan mereka kepada kumpulan bangsa yang lain (Shamsul, 2013) dan ini adalah cabaran sebenar dalam mewujudkan bangsa idaman di Malaysia.

Maka, hal kupasan tentang *nations-of-intent* yang dikupas oleh Shamsul Amri bertepatan dengan hasil dapatan kajian yang menyatakan wujud dua bangsa yang menginginkan konsep dan idea bangsa Malaysia yang kontra antara satu sama lain. Ini bertepatan juga dengan dua gambaran naratif terhadap kelompok Malaysia yang mengekspresikan tentang idea bangsa Malaysia. Pertama, kelompok yang mengimpikan pentadbiran negara ditadbirkan oleh majoriti-Melayu berasaskan ketuanan Melayu. Kedua, kelompok masyarakat Malaysia yang menginginkan Malaysia ditadbir dari konteks keadilan demokrasi berasaskan hak dan kesamarataan, atau pada kata nama lain sebuah masyarakat yang berpaksi kepada inklusiviti.

Ini jelas turut dapat dilihat pada hasil kajian yang memperlihatkan perbezaan dan penyimpangan makna pada definisi konsep kewarganegaraan inklusif yang dihamparkan oleh masyarakat Melayu menerusi kajian kes di Kelantan dan Pulau Pinang. Misalnya, pertembungan dapat dilihat iaitu dari konteks makna dan idea terhadap konsep kewarganegaraan inklusif di Kelantan dan Pulau Pinang. Ini kerana, walaupun idea *nations-of-intent* cuba dijadikan sebagai alat untuk mewujudkan integrasi dan telah menjadi formulasi untuk intervensi politik serta turut telah menjadi suatu *programmatic plan of action* yang cuba diaktikulasikan dalam pelaksanaan dasar. Tetapi, malangnya konsep ini agak berbeza diterima oleh sesetengah pihak di sesetengah lokaliti di dalam negara. Misalnya, di negeri Kelantan dan Sabah. Konsep dan idea *nations-of-intent* ini menjadi suatu yang ditentang khususnya dalam soal politik. Ini dapat dilihat apabila pemerintah parti cuba mengangkat idea *nations-of-intent* dalam konteks ideologi parti mereka dan melaksanakan dalam negeri dari konteks 'authoritarian'. Ini dapat dilihat dalam pentadbiran PAS menentang kerajaan pusat (Barisan Nasional) (Shamsul, 2013). Di mana pemerintah parti cuba untuk tidak melaksanakan idea *nations-of-intent* negara, sebaliknya melaksanakan ideologi dan falsafah mereka sendiri walaupun kejayaan dalam melaksanakan idea *nations-of-intent* mereka sendiri berada pada tahap yang tidak memberangsangkan. Tetapi percubaan untuk mewujudkan 'bangsa idaman' mereka memperlihatkan ada kemungkinan untuk menolak dan menentang tentang *nations-of-intent* yang diaspirasikan oleh pemimpin negara. Keadaan jelas bertepatan dengan dapatan kajian terhadap definisi konsep kewarganegaraan inklusif, kesukaran dalam mengintegrasikan makna dan idea ini

berpunca daripada kepelbagaian 'idaman' yang dimahukan dalam masyarakat di negara ini.

Justeru, dapatan kajian turut melihat bahawa konsep dan definisi kewarganegaraan inklusif serta idea terhadap *nations-of-intent* dalam masyarakat Malaysia harus dibina dan dikupas dengan lebih mendalam, agar dapat menemui titik persamaan yang akan dapat menyatukan kesemua perbezaan aspirasi terhadap bangsa idaman Malaysia dalam mewujudkan 'bangsa Malaysia' seperti yang diaspirasikan oleh pemimpin negara dalam memastikan perpaduan dan keharmonian negara dapat dikekalkan. Kesukaran dalam mengintegrasikan konsep dan makna kewarganegaraan inklusif dalam kalangan masyarakat serta pemahaman pendefinisian turut berbeza, kerana akar umbi terhadap konsep ini berbeza dan memerlukan suatu titik persamaan yang dapat dirumus dalam mengintegrasikan pemahaman dan perbezaan yang wujud dalam masyarakat pada hari ini.

Selanjutnya, dalam memahami perbezaan dan kesukaran untuk mengintegrasikan konsep kewarganegaraan inklusif dan keterangkuman. Perbincangan harus turut digarap dari konteks '*host and settler*' untuk mengukuhkan serta memberi gambaran secara menyeluruh tentang bagaimana wujud kesukaran dan perbezaan dalam mengintegrasikan konsep kewarganegaraan inklusif yang sejajar dengan dapatan kajian. Mengikut kepada sejarah Tanah Melayu, kemajmukan kaum bukan hanya bermula pada era penjajah tetapi kepelbagaian kaum telah majmuk semasa sebelum kejatuhan kerajaan Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15 lagi. Kemajmukan di Tanah Melayu didorong oleh struktur bentuk muka bumi Tanah Melayu yang telah menjadikan Melaka sebuah perlabuhan strategik untuk perdagang dari seluruh dunia berlandung dari tiupan Angin Monson (Andaya & Andaya, 1982). Hal turut ditambah dengan dasar penjajahan kolonial British telah merubah terus mozek serta landskap etnik di Tanah Melayu dengan kemasukan secara besar-besaran buruh migran daripada China dan India. Kesan dasar British itu telah melahirkan Malaysia sebagai sebuah negara yang pluralistik hasil daripada penjajahan, serta telah mewujudkan konsep perdebatan di antara '*host and settler*'. Perdebatan ini telah memberi kesan kepada proses pembinaan dan penerimaan idea bangsa Malaysia dalam kalangan pelbagai kaum, dan ia dapat dikaitkan dengan perbezaan penerimaan konsep kewarganegaraan inklusif dari kalangan aktor pentadbir dan pelaksana dasar pada hasil kajian.

Menurut sejarah, pencaturan campur tangan British di Tanah Melayu sebermula pada era Perjanjian Pangkor 1874 dan kemasukan buruh daripada Selatan China dan Selatan India secara besar-besaran akibat daripada keperluan terhadap permintaan tenaga buruh yang tinggi dari sektor perladangan dan bijih timah. Keadaan ini telah melahirkan kemajmukan di Tanah Melayu dan telah mewujudkan ketidakintegrasian di Tanah Melayu akibat daripada peraturan pecah dan perintah yang diwujudkan oleh pihak British (Mahmood Mamdani, 2012 di dalam Kartini Aboo Talib & Shamsul, 2020). Oleh demikian, untuk memahami senario dan landskap kependudukan di Malaysia, kajian harus difahami dengan memahami konsep '*host and settler*' sebagai gambaran kepada kemajmukan di Tanah Melayu serta konsep ini harus diperhaluskan dengan memahami siapakan masyarakat '*host*' dan siapakan '*settler*' dari sudut akar sejarah agar perspektif sebenar dapat dilakarkan terhadap kajian ini. '*Host*' adalah merujuk kepada masyarakat Melayu yang menjadi orang asal dan mendiami Tanah Melayu sebelum Tanah Melayu dijajah oleh British, dan *host* adalah masyarakat yang dipecahkan kepada dua strata masyarakat yang terbahagi kepada raja dan hamba. Manakala, masyarakat *settler* adalah merujuk kepada buruh Cina dan buruh India yang dibawa masuk ke Tanah Melayu

sebagai pekerja buruh semasa di era penjajahan British dan akhirnya 'host dan settler' ini menjadi satu (merujuk kepada kewarganegaraan) akibat daripada Perlembagaan Persekutuan 1948 yang memperakui golongan *settler* sebagai warganegara berdasarkan kepada perjanjian kontrak sosial (Kartini Aboo Talib & Shamsul, 2020).

Masyarakat *host* dan *settler* ini merupakan dua masyarakat yang hidup dalam sebuah negara yang sama tetapi berbeza cara kehidupan dari pelbagai aspek seperti penggunaan bahasa, pengamalan agama, warisan tradisi dan sebagainya yang akhirnya membentuk ketidakintegrasian di Tanah Melayu. Kesemua ini berlaku hasil dari percaturan dasar pecah dan perintah British serta kewujudan *host* dan *settler* sehingga kini telah menyukarkan integrasi dan perpaduan pada Malaysia. Konsep ini secara tidak langsung dapat menerangkan dengan jelas mengapa wujud kesukaran dalam mengintegrasikan makna dan definisi pada konsep kewarganegaraan inklusif seperti yang dibentangkan pada hasil kajian. Hal ini kerana wujud kuasa dan pengaruh serta dominasi pada masyarakat *settler* dalam konteks penguasaan ekonomi negara. Situasi ini telah mewujudkan ketegangan di antara masyarakat *host* dan *settler*, ekoran daripada pengiktirafan hak golongan *settler* yang wujud pada Perlembagaan Persekutuan 1948. Perdebatan di antara dua golongan ini di Malaysia telah mewujudkan ruang dan pertikaian serta ruang pengiktirafan hak golongan *settler* yang akhirnya memberikan kesan kepada perpaduan dan keharmonian negara dari konteks hubungan etnik. Ini jelas memperlihatkan bahawa hasil kajian daripada perlahiran konsep kewarganegaraan inklusif telah memperlihatkan wujud ketidaksatuan antara masyarakat *host* dan *settler* seperti yang bincangkan pada hasil kajian di atas.

Maka, dengan itu persoalan utama yang harus diungkapkan dalam perbincangan ini iaitu bagaimanakah kedua-dua ideologi dan falsafah yang dianuti oleh setiap kaum yang berbeza atau bertentangan ini dapat digabungkan seterusnya untuk membawa kepada pembentukan bangsa Malaysia yang inklusif? Sedangkan hasrat awal negara terhadap idea pembinaan bangsa Malaysia seperti yang terungkap di dalam Wawasan 2020, berkaitan dengan mempersatukan kumpulan-kumpulan etnik yang berbeza seperti berikut:

"...Bangsa Malaysia bermakna rakyat dapat mengidentifikasikan diri dengan negara, bertutur bahasa Melayu dan menerima Perlembagaan..."
(The Star, 1955).

Ciri-ciri ini pernah disebut oleh Tun Mahathir, bahawa pembinaan negara bangsa yang cuba diterapkan merujuk kepada sebuah konsep negara bangsa Malaysia yang menuntut kesetiaan warganegara yang tidak berbelah bagi kepada negara dengan semangat patriotisme terhadap Malaysia sebagai sebuah negara tumpah darah. Bahkan, ciri-ciri di atas turut dapat dilihat sebagai sebuah konsep untuk menggabungkan komunikasi dan perhubungan antara kaum melalui penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan pelbagai etnik yang cuba dijadikan sebagai jambatan perpaduan antara kaum.

Namun demikian, ungkapan perkataan 'menerima Perlembagaan' yang pernah dibincangkan oleh Mohammed Mustapha Ishak (2014) dilihat sebagai suatu ciri negara bangsa Malaysia yang penuh dengan pengharapan dan penyembunyian konflik yang berlaku di antara kaum. Ungkapan ini berharap supaya setiap warganegara di Malaysia ini menerima dan menghormati Perlembagaan negara dan keadaan ini seolah-olah memperlihatkan bahawa wujud suatu keadaan atau pihak yang tidak begitu selesa menerima Perlembagaan Persekutuan sebagai sebuah undang-undang tertinggi

negara yang harus didukung. Perlembagaan ini telah memperuntukan sistem demokrasi dalam pemilihan kerajaan, struktur kerajaan, sistem politik, hak rakyat terhadap demokrasi, kewarganegaraan, peraturan undang-undang, kerajaan raja berperlembagaan, bahasa Melayu bahasa rasmi bahasa kebangsaan, Islam agama rasmi dan hak istimewa orang Melayu. Oleh itu, kesan kepada ungkapan “menerima Perlembagaan” dilihat telah merujuk kepada aspek konflik yang didiami secara halus di dalam hubungan etnik dan politik di sebalik idea pembinaan negara bangsa Malaysia ini. Cuma penolakan terhadap ketidakrelaan untuk mendukung Perlembagaan Persekutuan oleh etnik minoriti tidak dapat dizahirkan secara jelas. Oleh itu, hasil daripada pembentukan hegemoni Melayu yang telah memperuntukan undang-undang yang termaktub di dalam Perlembagaan negara bahawa segala pertikaian dan penentangan secara terang akan dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Hasutan 1948 yang tidak membenarkan mana-mana pihak mempertikaikan soalan kedudukan agama Islam, hak orang Melayu dan raja-raja Melayu (Mohammed Mustapha Ishak, 2014, pp. 226-230).

Sehubungan itu, jelas dapat dilihat pada Peruntukan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan pada Perkara 152, hak orang Melayu pada Perkara 153, Raja sebagai ketua negeri pada Perkara 53 dan orang Islam sebagai agama rasmi pada Perkara 3. Inilah tiga tonggak (Islam, Melayu dan Raja) utama kemelayuan yang telah dijadikan asas sebagai nasionalisme Melayu (Mohamed Mustapha Ishak, 2014); Pegawai JPN, temu bual, 14 Julai 2020, Pulau Pinang). Peruntukan-peruntukan ini terhasil daripada proses timbal balik kepada pemberian hak kewarganegaraan kepada orang bukan Melayu sebelum mencapai kemerdekaan (Abdullah & Das, 1978; Crouch, 1996). Namun demikian, walau telah wujud peruntukan dan harapan terhadap penghormatan kepada Perlembagaan harus menjadi tanggungjawab kepada seluruh warganegara. Hatta, peruntukan ini berpaksikan kepada perjanjian kontrak sosial yang suci yang tidak harus dilanggari oleh kedua-dua kaum. Namun, idea dan persepsi terhadap pembinaan negara bangsa Malaysia berbeza antara kaum majoriti dan kaum minoriti. Di mana masyarakat majoriti mahukan sebuah negara bangsa yang berpaksikan kepada nilai tatanegara yang bercorak Kemelayuan. Tetapi, kaum minoriti menuntut konsep negara bangsa sebagai harus dilandaskan kepada nilai hak yang sama rata kepada semua warganegara.

Bahkan, dikatomi bumiputera dan bukan bumiputera harus dihapuskan jika konsep Bangsa Malaysia hendak diwujudkan (Mohammed Mustapha Ishak, 2014, pp.231-232). Nampaknya, jauh ke hadapan nanti berkemungkinan ketiga-tiga tonggak negara yang didukung negara selama ini harus dikaji semula dan Malaysia juga harus direset kembali untuk membolehkan pembinaan negara bangsa Malaysia dapat dicapai. Dengan ini kemungkinan negara bangsa yang diinginkan oleh kedua-dua belah pihak dapat disatukan demi sebuah keamanan negara dan kestabilan politik yang lebih utuh.

4. Kesimpulan

Maka, dapat disimpulkan bahawa faktor-faktor yang diperbincangkan di atas dilihat menghalang usaha dalam menuju pembinaan negara bangsa Malaysia. Hal terjadi, disebabkan oleh sifat kemajmukan masyarakat Malaysia yang bercirikan kepada semangat keetnikan dan nasionalisme yang saling mempengaruhi sehingga membawa kepada konflik dan keetnikan. Justeru, kefahaman dan artikulasi makna terhadap konsep kewarganegaraan inklusif dan *notion* tentang bangsa Malaysia harus diperdebatkan kembali secara ilmiah dan saintifik, supaya dapat dihidangkan kepada masyarakat agar mandat nasional yang sebenar dapat didukung oleh rakyat dan

perpaduan kaum dapat dimantapkan seperti yang diimpikan oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Kajian ini telah mendapat persetujuan bertulis daripada semua responden. Penyelidikan dilaksanakan memenuhi standard piawaian etika seperti yang telah ditetapkan oleh pihak yang berwajib.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada semua aktor pendidik yang telah banyak menyumbang masa dan tenaga dalam memberi kerjasama semasa proses pengutipan data.

Kewangan (*Funding*)

Tiada

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis tiada sebarang konflik kepentingan.

Rujukan

- Abdul Kadir & Low, F. L. J. (2017). Effects Of Augmented Feedback on Landing Force from Jumps. *Journal of Sports Science and Physical Education*, 6(2), 1-9. <https://doi.org/10.37134/jsspj.vol6.2.1.2017>
- Abdul Rahman Embong (2000). *Negara-Bangsa Proses dan Perbahasan*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Abdul Rahman Embong (2004). Memikir semula persoalan pembangunan manusia: Antara teori dengan realiti. *Akademika*, 64(1), 15-26. <https://journalarticle.ukm.my/4253/>
- Andaya, B. & Andaya, L. (1982). *A history of Malaysia*. Palgrave Publisher. Ltd, Hampshire.
- Anuar Ahmad & Jingga, N. (2017). Pengaruh kompetensi kemahiran guru dalam pengajaran terhadap pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran Sejarah. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 3(2), 1-11. <https://juku.um.edu.my/index.php/JUKU/article/view/8155>
- Booth, A. (1993). Learning History in university: Student view on teaching and assessment. *Studies in Higher Education*, 18(2): 227-235. <https://doi.org/10.1080/03075079312331382389>
- Caine, R. N., & Caine, G. (1994). *Making Connections: Teaching and the Human Brain*. Addison-Wesley. <https://files.eric.ed.gov/fulltext/ED335141.pdf>
- Crouch, H. A. (1996). *Government and society in Malaysia*. Cornell University Press. https://books.google.com.my/books/about/Government_and_Society_in_Malaysia.html?id=HNEGtjIwMpEC&redir_esc=y
- Das, K. (1987). *Malay dominance? The Abdullah rubric*. K. Das Ink.

- Dilli R., Dal (1996). Cultural pluralism and national cultural identity: the case of Nepal. In Baidyanayh Saraswati (Ed.), *Interface cultural identity development*. D.K. Printworld Ptd. Ltd. https://ignca.gov.in/eBooks/Culture_n_Development_01.pdf
- Hippler, J, (2002), Ethnicity, State and Nation-Building: Experience Policies and Conceptualization, Ausafze, 1-5.
Conference Paper SEF-Symposium 2002 (Development and Peace Foundation, Bonn) Nation-Building in The Globalisation Process - A Contribution to Regional Stability and Global Security 11-12. https://www.sef-bonn.org/fileadmin/SEF-Dateiliste/04_Publikationen/Weitere_Publikationen/Globale_Trends/2013/gt_2013_en.pdf
- Khubchandrani L. M. (1996). *Universal and unique in cross-cultural: a paradigm shifts in development ideology*. Unpublished Manuscript/Conference Presentation.
- Kartini Aboo, Shamsul, A. (2020). Cultural Diversity in Malaysia and The Reconciliation for Integration. *Jebat: Malaysia Journal of History, Politics & Strategic Studies*. <https://journalarticle.ukm.my/17104/1/44782-144107-2-PB.pdf>
- Kabeer Naila. (2004). *Introduction: the search for inclusive citizenship, meaning and expression in an inter-connected world*. Zed Books.
<https://assets.publishing.service.gov.uk/media/57a08c91e5274a27b20012ad/Kabeer01.pdf/>
- Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) (1988). *Falsafah Pendidikan Kebangsaan*. Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) (2019). *Huraian sukatan pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Tingkatan 5*. Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) (1988). *Falsafah Pendidikan Kebangsaan*. Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) (2019). *Huraian sukatan pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Tingkatan 5*. Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan.
- Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad & Amla Mohd Salleh (2015). *Kompetensi kewarganegaraan di Malaysian LRGs/ BU2011/ UKM/ CMN/ 01m* Laporan Penyelidikan Program Kesepaduan Sosial.
https://www.researchgate.net/profile/Sitti_Bandu/publication/303603827_Penerapan_Kompetensi_Kewarganegaraan_dalam_Kalangan_Pelajar_Pelbagai_Etnik_Peringkat_Sekolah_Menengah_di_Malaysia/links/5749adda08ae5c51e29e857a/Penerapan-Kompetensi-Kewarganegaraan-dalam-Kalangan-Pelajar-Pelbagai-Etnik-Peringkat-Sekolah-Menengah-di-Malaysia.pdf?_cf_chl_tk=7ncVG6eCPmMTFbwBizHBL7oe4e8MLCLeFPLoiBfTo_I-1775013184-1.0.1.1-VeCwgo3Yj00kyb5B5B8p22SyZf_EDUkIaHSc2bLA4r0
- Morris, C. (2005). Advocacy and scholarship in marginalized communities. *Anthropology News*, 46(2), 23-23.
https://scholar.google.com/citations?view_op=view_citation&hl=en&user=evpWuq8AAAAJ&citation_for_view=evpWuq8AAAAJ:9yKSN-GCB0IC
- Nilam Hamiddani Syaiful (2013). *Merebut kewarganegaraan inklusif*. Yogyakarta, Research Centre for Politics and Governance, University Gajah Mada.
<https://etd.repository.ugm.ac.id/penelitian/detail/121653>
- Nurfarhana Che Awang (2023). *Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Konsep Kewarganegaraan Inklusif Antara Normatif dan Realiti: Kajian Kes di Kelantan dan Pulau Pinang*. PhD Tesis. Universiti Sains Malaysia.
- Sitti Hasnah Bandu, Mohd Mahzan bin Awang & Abdul Razaq Ahmad (2016). Penerapan Kompetensi Kewarganegaraan dalam Kalangan Pelajar Pelbagai Etnik Peringkat Sekolah Menengah di Malaysia. *Prosiding Persidangan Pemantapan Citra Kenegaraan 4 (COSNA 4), Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia*.

https://www.researchgate.net/publication/303603827_Penerapan_Kompetensi_Kewarganegaraan_dalam_Kalangan_Pelajar_Pelbagai_Etnik_Peringkat_Sekolah_Menengah_di_Malaysia

- Shamsul, A. (2013). Politics of Language and Language of Politics: Theory and Practice of The 'Nations-of-Intent' as Articulated in Malaysia. *Siri Kertas Kajian Etnik UKM Bil.35. Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia.*
- Sufean Hussin (2004). *Pendidikan di Malaysia sejarah, sistem dan falsafah* (edisi ke- 2). Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- The Straits Times (1959 April 1). The assembly is dissolved. 1st Legislative Assembly of Singapore. *The Straits Times*.<https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/issue/straitstimes19590401-1>
- Theophilus E. (2006). *1 citizenship and belonging: The African community and the politics of alienation in Ireland*. University of Chicago. https://www.researchgate.net/publication/324454118_Citizenship_Belonging_and_Political_Community_in_Africa_Dialogues_between_Past_and_Present
- Thomas J. (1988). *Citizenship and Civil Society: A Framework on Rights and Obligations in Liberal, Traditional, and Social Democratic Regimes*. Cambridge University Press. https://www.academia.edu/85669706/Citizenship_and_Civil_Society_A_Framework_of_Rights_and_Obligations_in_Liberal_Traditional_and_Social_Democratic_Regimes
- Thomas J. (1998). *Citizenship and civil society: a framework of rights and obligations in liberal*. Cambridge University Press. https://www.academia.edu/85669706/Citizenship_and_Civil_Society_A_Framework_of_Rights_and_Obligations_in_Liberal_Traditional_and_Social_Democratic_Regimes
- Wan Norhasniah Wan Husin (2011). Nation-building and 1 Malaysia concept: ethnic relations challenges in the education field. *International Journal of Humanities and Social Science*, 1(9). https://ijhss.thebrpi.org/journals/Vol_1_No_9_Special_Issue_July_2011/25.pdf
- Wan Norhasniah Wan Husin (2015). *Peradaban dan perkauman di Malaysia: hubungan etnik Melayu dan Cina*. Universiti Malaya. https://books.google.com.my/books/about/Peradaban_dan_perkauman_di_Malaysia_hubu.html?id=DziLDwAAQBAJ&redir_esc=y
- Zahara Aziz & Nik Azleena (2007). Kajian tinjauan kesediaan guru-guru sejarah menerapkan kemahiran pemikiran sejarah kepada pelajar. Aliran Dalam Pendidikan Menjelang Abad ke 21. *Pendidikan* 32, 119-137. [https://www.ukm.my/jurfpnd/journal/vol%2032%202007/J Pendidikan32/Jpend32\[08\].pdf](https://www.ukm.my/jurfpnd/journal/vol%2032%202007/J Pendidikan32/Jpend32[08].pdf)